



Headline : Deleum sasar RM200j kontrak  
Media : Utusan Malaysian Online  
Day/Date : 19 May 2011  
Page :  
Links : <http://www.mmail.com.my/story/deleum-appoints-new-coo-28870>

### **Deleum sasar RM200j kontrak**

Oleh AHMAD FADZIL ZAINOL ARIFFIN

bisnes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Mei - Penyedia perkhidmatan industri minyak dan gas, Deleum Bhd., (Deleum) menasarkan untuk meraih beberapa kontrak yang mencecah RM200 juta daripada syarikat cari gali minyak yang beroperasi di negara ini, mulai tahun ini.

Pengarah Urusannya, Nan Yusri Nan Rahimy berkata, antara syarikat terbabit seperti Petronas Carigali serta beberapa entiti milik asing yang menjalankan aktiviti cari gali di perairan negara ini. Katanya, antara bentuk kontrak yang sedang ditinjau seperti bantuan teknikal turbin gas, aktiviti pengeluaran minyak dasar laut dan pengurusan kimia di medan minyak.

"Tahun ini, kami memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM20 juta bagi tujuan peningkatan teknologi peralatan serta kemahiran tenaga kerja syarikat.

"Ini memandangkan tahap penggunaan teknologi kepunyaan syarikat ini sudah berada pada tahap optimum," kata beliau pada mesyuarat agung tahunan Deleum di sini hari ini.

Kata Nan Yusri, perbelanjaan modal itu turut melibatkan beberapa rancangan syarikat melakukan pengambilan alih dan penggabungan dengan beberapa syarikat yang mempunyai kaitan dengan aktiviti Deleum.

"Ia termasuklah sama ada dengan syarikat dalam negara atau di rantau Asia Tenggara," ujarnya.

Beliau berkata, syarikat itu ketika ini telah berjaya memenangi beberapa kontak perkhidmatan daripada syarikat cari gali bernilai hampir RM1 bilion sehingga 2016.

Sementara itu, beliau berpendapat, aliran kenaikan harga minyak tidak menjelaskan operasi syarikat itu kerana harganya berubah dengan cepat dan tidak mempengaruhi aktiviti cari gali.

Dalam mesyuarat itu juga, Deleum mengumumkan keuntungan bersihnya bagi tahun kewangan 2010 berjumlah RM23.24 juta manakala pendapatan pula sebanyak RM399.04 juta.

Bagaimanapun, keuntungan dan pendapatan tersebut menurun berbanding tahun kewangan sebelumnya pada kadar 12.14 peratus dan 22.41 peratus.

Ini katanya, disebabkan pengurangan dan penangguhan beberapa aktiviti syarikat pada tahun 2010 serta pembayaran ganjaran kepada pengarah eksekutif yang bersara.